





Perutusan YB Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi



Ketidaktentuan ekonomi telah memberikan cabaran berterusan kepada perniagaan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). Salah satu isu yang masih membelenggu PMKS di Malaysia adalah integrasi yang terhad ke dalam rantaian nilai global, terutamanya disebabkan oleh kesukaran memenuhi permintaan pelanggan, cabaran dalam mengekalkan produk dan perkhidmatan berkualiti tinggi, serta kos yang lebih tinggi berbanding produk import. Sehubungan itu, tema Laporan Tinjauan PMKS 2023/24 ini iaitu "Meningkatkan Produktiviti dan Penyertaan PMKS dalam Rantaian Nilai" adalah bertepatan pada masanya untuk merungkai permasalahan ini. Laporan ini menyediakan maklumat yang sangat penting sebagai panduan untuk PMKS berkembang maju dalam dunia masa kini yang saling berhubung.

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) sentiasa komited untuk melaksanakan inisiatif yang boleh melonjakkan momentum PMKS melalui penyertaan dalam rantaian bekalan global. KUSKOP dan agensi akan memberi fokus kepada pembangunan kapasiti dan keupayaan serta pembiayaan modal, dalam usaha untuk merealisasikan transformasi PMKS. Inisiatif ini merangkumi pelbagai pendekatan, termasuklah meningkatkan keupayaan PMKS ke arah pengantarabangsaan; menambah baik jalinan perniagaan dengan firma besar; dan memanfaatkan pembiayaan alternatif.





Usaha akan diteruskan bagi mengukuhkan agenda kelestarian perniagaan dengan menerapkan amalan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (*environmental, social and governance, ESG*) dan melaksanakan transformasi digital. Penekanan yang semakin meningkat terhadap amalan kelestarian memberi peluang kepada PMKS untuk mengukuhkan kedudukan dalam pasaran. Panduan ESG yang diper mudah dikenali sebagai "Panduan Pantas ESG untuk PMKS" juga telah dibangunkan oleh SME Corp. Malaysia bagi membimbing PMKS dalam melaksanakan ESG.

Selama lebih dari dua dekad, SME Corp. Malaysia memainkan peranan penting dalam memajukan pembangunan PMKS di seluruh negara dengan menyediakan sokongan dan sumber-sumber yang penting untuk pertumbuhan perniagaan. Pelan Strategik PMKS 2030 yang dihasilkan oleh KUSKOP dan Pelan Strategik Perniagaan SME Corp. Malaysia 2022 - 2030 bertindak sebagai asas penting dalam membentuk hala tuju pembangunan PMKS. PMKS yang sentiasa beradaptasi dengan landskap perniagaan yang semakin berkembang mempunyai lebih keupayaan untuk memperluas capaian pasaran dan berintegrasi secara strategik ke dalam rantaian nilai global.

Perjalanan PMKS adalah tentang keazaman, semangat juang dan daya tahan. Melangkah ke hadapan, aspirasi kami adalah untuk memacu PMKS ke arah kestabilan yang menjanjikan pembaharuan dan pertumbuhan. Marilah kita hulurkan tangan membantu setiap langkah yang diambil oleh PMKS dalam mengubah risiko menjadi peluang, kepayahan menjadi kejayaan!



Ewon Benedick PGDK, JP
Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi

